

BAB 2


SISTEM BANTUAN ORDNANS DAN PEROLEHAN

2.1 PENGENALAN

Sejarah Penubuhan. Sejarah awal penubuhan Kor Ordnans Diraja adalah warisan peninggalan British yang mana pada ketika penubuhan pasukan-pasukan tentera diseluruh Persekutuan Tanah Melayu dengan bertujuan untuk memberikan bantuan kepada Tentera British mempertahankan Tanah Melayu daripada pencerobohan Tentera Jepun. Menurut A Samad Idris (1983) pada ketika itu bantuan Lojistik atau diuruskan sebagai bantuan Ordnans dilaksanakan oleh *The Royal Army Ordnance Corps* (RAOC) dari Tentera Darat British. Menurut A Samad Idris (1983) lagi pada Ogos 1939, pasukan ke 7th *Ordnance Field Depot* (OFD) *India Army Corps* telah dihantar ke Tanah Melayu bagi memperkuatkan bantuan Ordnans terhadap keseluruhan operasi dan pentadbiran tentera British ketika itu. Pasukan itu kemudiannya telah diserapkan kepasukan *British Army Logistic* pada tahun 1940.

Dengan pembesaran Rejimen Askar Melayu kepada tujuh buah batalion dan peningkatan stor Rejimen Askar Melayu setelah perang tamat, pasukan Ordnans telah ditubuhkan secara rasmi pada 17 Julai 1946 di Port Dickson dibawah pemerintahan dan kawalan Tentera British untuk memberikan bantuan Ordnans kepada keseluruhan pasukan tentera Tanah Melayu. Diawal penubuhan hanya terdiri daripada beberapa pegawai dan lain-lain pangkat serta kakitangan awam yang kebanyakannya adalah bekas pesara anggota *Indian Army Ordnance Corps* (K.C. Mehra, 1980).


Sepanjang tempoh tersebut dan sehingga tahun 1997, Kor Ordnans telah melalui beberapa kali pertukaran nama sehinggalah pada 7 Jun 1997 dimana Kor Ordnans telah mendapat gelaran DiRaja daripada Yang DiPertuan Agong Malaysia Ke Sepuluh (Khairuddin, 1998) dan kemudiannya dikenali sebagai Kor Ordnans DiRaja (KOD) sehinggalah sekarang. Didalam meneruskan kecemerlangannya memberikan bantuan Ordnans, KOD telah menstruktur keseluruhan organisasi TD dengan wakil staf dan pasukan dipelbagai peringkat formasi dan pasukan seperti di rajah berikut:



Rajah 2.1
Struktur Organisasi TD dan Staf Ordnans

Pasukan-Pasukan KOD. Menurut (Khairuddin, 1998 dan Temuduga Kol Sharuddin, Mei 2009) juga, pasukan-pasukan KOD di tubuhkan mengikut peringkat bantuan dengan mengambil kira saluran bantuan seiring dengan saluran pemerintahan yang dilaksanakan diperingkat TD. Pasukan-pasukan KOD ditubuhkan diperingkat Pengkalan, Divisyen (Div), Briged (Bgd) dan pasukan-pasukan TD. Diperingkat pengkalan merupakan Depot Pusat yang akan menyalurkan bantuannya kepada

pasukan-pasukan diperingkat Div, Bgd dan pasukan. Secara amnya organisasi pasukan KOD adalah seperti rajah berikut:



Rajah 2.2
Organisasi Pasukan KOD

- 91 Depot Pusat Ordnans (91 DPO) yang diketuai oleh Kolonel (Kol) merupakan depot pengkalan dan depot utama serta terbesar mengendalikan stor untuk keperluan pasukan-pasukan seluruh TD. Peranan utama 91 DPO adalah untuk mendapatkan peralatan dan stor Ordnans/material daripada pembekal mengikut prosedur yang telah ditetapkan dan disalurkan kepada pasukan-pasukan Ordnans diseluruh Malaysia.

- Batalion Ordnans Divisyen (BOD) yang diketuai oleh Leftenan Kolonel (Lt Kol) merupakan pasukan Ordnans yang ditubuhkan bagi memberikan bantuan Ordnans kepada pasukan-pasukan dibawah pemerintahan sesuatu Div. Ianya merupakan depot utama yang menjadi perantara diantara 91 DPO dengan pasukan-pasukan tanggungan diperingkat Div dan sebahagian kepada tanggungan Bgd.
- Kompeni Ordnans Briged (KOB) pula merupakan pasukan kecil dan diperintah oleh pegawai berpangkat Mejar (Mej) dan ditubuhkan menjadi organik kepada sesebuah Bgd. KOB bertanggungjawab untuk memberikan bantuan Ordnans kepada pasukan - pasukan dibawah pemerintahan Bgd. KOB mendapatkan stor dan peralatannya daripada KOD atau DPO.
- Manakala Kumpulan Stor Kor Ordnans Diraja (KSOD) ditubuhkan khusus untuk memberikan bantuan Ordnans dalam membekalkan keperluan alatganti terus kepada pasukan-pasukan yang mempunyai peralatan khusus seperti pasukan Armor, Artileri atau pasukan-pasukan Woksyop (Wksp) Medan.
- Manakala beberapa pasukan pengkalan lain yang bertanggungjawab untuk memberikan bantuan Ordnans dari segi kenderaan, peluru dan bahan letupan. Antara depot pengkalan adalah 92 Depot Kenderaan Pusat (92 DKP), berpangkalan di Kem Batu Kentonmen yang bertanggungjawab untuk membekalkan pelbagai kenderaan TD (kecuali jenis C). Manakala 93 Depot Pusat Peluru (93 DPP) ditempatkan di Batu Arang, Selangor bertujuan untuk

memberikan bantuan peluru dan bahan letupan untuk kegunaan TD diseluruh negara. Manakal depot pengkalan seperti 94 Depot Pengkalan Peluru (94 DPP) di Kem Syed Sirajudin, Gemas dan 96 Depot Pengkalan Peluru (96 DPP) di Kem Mesjid Tanah, Melaka dan sebagai tambahan kepada keupayaan 93 DPP sebagai tempat simpanan beberapa komoditi peluru dan bahan letupan yang memerlukan sistem simpanan yang lebih rumit dan terpilih.


Saluran Pemerintahan KOD. KOD yang diketuai oleh seorang Pengarah berpangkat Kol di Markas Tentera Darat (MK TD) dan berperanan sebagai penasihat kepada Panglima TD berkaitan perkara-perkara pentadbiran dan perihal Sumber Manusia. Dari segi pelaksanaan fungsi teknikal berkaitan bantuan Ordnans, ianya dibawah kawalan Ketua Kumpulan Ordnans (KKO) yang diketuai pegawai berpangkat Kol yang juga bertanggungjawab terus kepada Panglima Markas Logistik Tentera Darat (MK Loj TD). Di setiap Divisyen (Div) Kor Ordnans meletakkan wakilnya yang terdiri dari pegawai berpangkat Lt Kol sebagai Pegawai Staf 1 Ordnans (PS 1 Ordnans) yang bertanggungjawab untuk mengawalselia pasukan KOD bawah naungan serta menentukan keberkesanan bantuan Ordnans di medan. Manakala di setiap Briged (Bgd) pula Pegawai Ordnans Briged (POB) yang bertanggungjawab terus kepada Panglima Bgd dan staf berkaitan perkara-perkara melibatkan bantuan Ordnans di medan (Manual KOD, 2007).

2.2 TANGGUNGJAWAB KOD. KOD secara umumnya bertanggungjawab untuk melengkapkan dan seterusnya menyelenggara seluruh pasukan TD diatas keperluan Stor Ordnans/Material dan Peralatan. Selain daripada itu KOD juga

bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas merancang belanjawan, mengawal peruntukan, melaksanakan perolehan, menerima bekalan material dan peralatan, mengawal akaun inventori, penyimpanan, senggaraan stok semasa didalam simpanan dan pengeluaran material dan peralatan kepada pasukan-pasukan TD (Yaacao Mohd Zain, 1989). Secara ringkasnya KOD bertanggungjawab didalam pengurusan inventori serta seluruh proses mendapatkan peruntukan sehinggalah barangan atau stor Ordnans dikeluarkan kepada pasukan-pasukan pengguna atau pelanggan.

2.3 PRINSIP BANTUAN ORDNANS

Strategi bantuan Ordnans dibuat dengan prinsip bantuan secara *decentralise* untuk mencapai tahap bantuan maksima dengan penggunaan sumber yang minima. Strategi ini membolehkan pemerintah disetiap peringkat formasi seperti Div dan Bgd mempunyai aset Ordnansnya sendiri didalam merancang operasi dan aktiviti hariannya samada dalam keadaan aman mahupun didalam situasi pertempuran. Panglima Div dan Bgd mempunyai kawalan terus terhadap sumber Ordnans atas nasihat dari PS 1 Ordnans dan POB serta depot-depot Ordnans dibawah pemerintahannya dari segi penugasan bantuan teknikal. Organisasi Ordnans seperti Batalion Ordnans Divisyen (BOD) dan Kompeni Ordnans Briged (BOD) mempunyai keupayaan dan berkebolehan untuk mewujudkan elemen Ordnans bergerak yang dipanggil Elemen Bergerak Ordnans (EBO) didalam situasi pertempuran bagi membolehkan bantuan Ordnans disalurkan terus kepada pasukan hadapan dengan cekap dan berkesan. Berdasarkan kepada keterangan di atas, dan mengikut Yaacob Mohd Zain (1989) sistem bantuan Ordnans yang diamalkan sekarang adalah seperti di Rajah berikut:



Rajah 2.3
Tahap Bantuan Ordnans

Tahap bantuan ini adalah berdasarkan kepada strategi yang telah digariskan oleh TD bagi menentukan keberkesanan bantuan Ordnans disemua peringkat yang dapat diringkaskan seperti berikut:

- Barisan Pertama - Pegangan Stor Ordnans mengikut sukatan pasukan .
- Barisan Kedua - Pegangan stok oleh KOD.
- Barisan Ketiga - Pegangan stok oleh BOD.
- Barisan Keempat - Pegangan stok oleh pasukan DPO, DKP dan DPP.


2.4 SISTEM PEROLEHAN SEMASA TD

Definisi Perolehan. Perolehan adalah melibatkan perolehan/pembelian material dan perkhidmatan daripada pembekal untuk membolehkan sesuatu organisasi berfungsi mengikut peranan dan tanggungjawab daripada peringkat pengeluaran kepada pasaran, jualan dan logistik (Douglas M. Lambert, James R. Stock & Lisa M. Ellram, 1998). Kenyataan lain berkaitan perolehan adalah yang melibatkan pembelian, penyimpanan, trafik, penerimaan, pemeriksaan dan pelupusan (R. Stock, James & M. Lambert, Douglas, 2001). Sementara itu (Anthon, Bogetoft & Thorsen, 2006) pula menyatakan bahawa perolehan terhadap material dan perkhidmatan bagi kegunaan pertahanan, perkhidmatan kesihatan, material kebudayaan untuk muzium serta lain-lain agensi yang melibatkan pembeli dan pembekal kepada material dan perkhidmatan.

Proses Perolehan Semasa TD. Pengurusan perolehan kerajaan adalah satu cabang penting dalam pengurusan kewangan yang tidak dapat dipisahkan didalam tugas dan tanggungjawab KOD. Ianya penting kerana bukan sahaja melibatkan bagaimana perbelanjaan itu dirancang, diurus dan dikawal, tetapi juga untuk menentukan matlamat pembangunan TD dapat dicapai (Manual KOD, 2007). Oleh itu sistem perolehan semasa yang diamalkan TD adalah berdasarkan kepada arahan dan prosedur semasa yang digunapakai oleh semua agensi kerajaan termasuk KEMENTERIAAN dan KOD khususnya. Secara amnya sistem yang di gunapakai adalah seperti berikut (Temuduga Panglima Log TD dan Kol Sharuddin- Ketua Kumpulan Ordnans, Mei 2009):

- Agensi yang terlibat didalam proses perolehan adalah MK Loj TD-Kumpulan Ordans (Kump Ord), Bahagian Perolehan (PERO) dan Bahagian Kewangan KEMENTAH, Perbendaharaan Malaysia, Kementerian Kewangan dan 91 DPO. MK Loj TD bertanggungjawab didalam membuat anggaran dan memajukan keperluan untuk dibuat perolehan bagi keperluan TD. Ia juga bertanggungjawab untuk melaksanakan kontrak, perolehan dan pembelian tempatan serta pembelian terus. Walau bagaimanapun anggaran yang dimajukan oleh KOD adalah berdasarkan kepada keperluan yang dikemukakan oleh 91 DPO serta disemak oleh Kump Ord sebelum disalurkan ke MK Loj TD.
- Bahagian PERO pula bertanggungjawab untuk mewujudkan kontrak, Lembaga Tender, Sebutharga dan kawalan mutu melalui Cawangan Teknik dan Pemeriksaan (CT&P). Manakala Bahagian Kewangan KEMENTAH pula sebagai pengawal, penasihat dan bantuan berkaitan perkara-perkara kewangan termasuk memproses baucer pembayaran bagi barangan yang telah dibuat perolehan (Paul Yuen, 1987). Agensi yang terlibat didalam proses perolehan adalah seperti di Rajah berikut:

AGENSI TERLIBAT DI DALAM PROSES PEROLEHAN




Rajah 2.4
Agensi Terlibat Dalam Proses Perolehan

Kaedah Perolehan. Sistem perolehan semasa yang diamalkan oleh KEMENTAH adalah berasaskan kepada sistem yang diluluskan oleh prosedur kewangan Kerajaan selaras dengan konsep *Let Managers Manage*. Kaedah-kaedah perolehan mengikut (PATM Jilid 111 Bab 12, 2004 dan Manual Pengurusan Teknikal KOD, 2007). Menurut Bahagian PERO (Temuduga Timbalan Setiausaha PERO, Mei 2009) terdapat beberapa kaedah perolehan dalam TD seperti Pembelian Terus, Pembelian Secara Seburharga, Pembelian Darurat dan Pembelian Secara Tender. Namun demikian, fokus kajian adalah kepada Pembelian Secara Tender dan

proses adalah seperti berikut (Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil 6, Tahun 2008 dan SPP Bil 3, Tahun 2009):

- Tender. Proses dan cara perolehan ini dilaksanakan bagi perolehan peralatan atau barangan yang bernilai keseluruhan melebihi RM 500,000 dan suatu perjanjian kontrak diantara pembekal dan pihak kerajaan dimetri. Maklumat berkaitan Tender akan di siarkan didalam akhbar tempatan. Manakala didalam keadaan dimana melibatkan syarikat-syarikat luar negara, maklumat akan disampaikan melalui Kedutaan negara berkenaan.
- Proses Tender. Secara amnya cara perolehan melalui proses tender ianya perlu melalui proses yang panjang. Menurut Badrul Hisham (2000) tempoh masa sesuatu proses tender secara keseluruhannya adalah sekitar 421 hari. Fakta ini dibuktikan lagi daripada keterangan yang diperolahi daripada Bahagian PERO KEMENTAH (Temuduga Timbalan Setiausaha PERO, Mei 2009). Menurut Bahagian PERO ,secara amnya Rajah 5 adalah menggambarkan proses Perolehan Secara Tender yang melibatkan pelbagai peringkat pemerosesan. Berdasarkan kepada tanggungan dan keperluan barangan atau alatan dengan jumlah yang besar setiap tahun, maka tidak dapat dielakkan hanya perolehan secara tender sahaja dapat memenuhi kuantiti yang diperlukan oleh TD.

CARTA ALIRAN PROSES PEROLEHAN PERALATAN TD



Rajah 2.5
Carta Aliran Proses Perolehan TD

2.5 SISTEM BELANJAWAN

Perlaksanaan Belanjawan. Menurut Panglima Log TD (Mei, 2009) bahawa sistem belanjawan yang juga dikenali sebagai bujet untuk belanjawan tahun semasa akan dibentangkan pada September/Oktober pada tahun sebelumnya oleh kerajaan yang meluluskan peruntukan untuk digunakan oleh setiap Kementerian termasuk KEMANTAH. Proses belanjawan KEMANTAH amya dan TD khususnya bermula lebih kurang dua puluh empat bulan sebelum tahun kewangan bermula melalui beberapa


proses kajian, tapisan dan perakuan sehinggalah diluluskan didalam pembentangan belanjawan di Parlimen. Belanjawan semasa melalui dua peringkat atau fasa iaitu Merangka Belanjawan dan Perlaksanaan Belanjawan. Kedua-dua peringkat itu dijelaskan seperti berikut:

- Merangka Belanjawan. Menurut Panglima Log dan Kol Sharudin (Mei, 2009) bahawa peringkat ini bermula dua puluh empat bulan sebelum tahun kewangan bermula dimana semua agensi pelaksana terutamanya diperingkat Pusat Tanggong Jawab (PTJ), untuk kajian ini merujuk kepada 91 DPO mengemukakan semua keperluan untuk menyelenggara TD. Permohonan ini kemudiannya disemak dan melalui beberapa proses tapisan dan semakan sehingga mendapat kelulusan belanjawan di Parlimen.
- Perlaksanaan Belanjawan. Sistem Belanjawan Yang Diubahsuai (*Modified Budgeting System- MBS*) ini telah diperkenalkan oleh Malaysia sejak awal tahun 1990 bagi menentukan perbelanjaan lebih fokus serta terkawal. Berdasarkan kepada (SPP Bil 8, 1986) ianya merangkumi aspek-aspek seperti berikut:
 - Objek Sebagai (OS). OS adalah Nombor Kod lima angka yang berakhir dengan tiga angka kosong mengelaskan perolehan dan perbelanjaan kepada klasifikasi kod nombor kumpulan barangan. Sebagai contoh 26000 – Bekalan Bahan Mentah dan bahan-bahan untuk penyelenggaraan dan pembaikan.

- Objek Kumpulan Lanjut (OKL). OKL adalah penggunaan Kod lima angka yang berakhir dengan dua angka kosong pula bagi mengelaskan perolehan dan perbelanjaan kepada sub-kumpulan barangan atau pecahan kepada OS, sebagai contoh 26100 – Alat Ganti.
- Objek Lanjut (OL). OL merupakan Nombor Kod lima angka dimana dua angka terakhir mengandungi mana-mana angka dari kosong hingga sembilan tetapi tidak mempunyai lebih dari satu angka kosong. OL adalah lanjutan atau kumpulan kecil kepada OKL sebagai contoh 26103 – Alat Ganti Kenderaan Darat.
- Perbelanjaan. Perbelanjaan dikategorikan kepada dua kategori perbelanjaan iaitu Perbelanjaan Operasi atau menyelenggara TD atau pun dikenali sebagai *Operational Expenditure* (OE) dan Perbelanjaan Pembangunan atau *Development Expenditure* (DE).
- Perbelanjaan Operasi (OE). Peruntukan yang menjadi **fokus kajian ini** adalah merupakan perbelanjaan operasi bagi mengurus dan menyelenggara keperluan harian TD yang diluluskan untuk digunakan didalam Tahun Kewangan Semasa sahaja. Lebihan peruntukan kewangan tidak boleh dibawa ke hadapan. Klasifikasi objek digunapakai didalam pelaksanaan sistem perolehan untuk tujuan menyelenggara TD.

Peruntukan Kewangan. Berdasarkan kepada perancangan dan setelah tapisan dilakukan, secara puratanya peruntukan perbelanjaan yang diterima berbanding dengan keperluan yang dimohon adalah sekitar 60% ke 70% (Temuduga Pegawai Memerintah 91 DPO, Mei 2009). Ini bermakna secara langsung akan memberi kesan kepada ulangbekal kepada pasukan pengguna dan kesiapsiagaan pasukan. Kekurangan peruntukan kewangan berbanding dengan jumlah permohonan ini berlaku pada setiap tahun belanjawan TD (Temuduga Panglima Log TD, Mei 09 dan Mantan Panglima Log TD, Jul 09). Mengikut kedua-dua mereka tersebut, ini secara langsung akan memberi kesan kepada 91 DPO didalam menguruskan perolehan material TD secara efektif dan memberi kesan langsung kepada kesiapsiagaan TD secara keseluruhannya. Butiran terperinci pecahan peruntukan sepanjang 2006 hingga 2009 adalah seperti di Rajah 6 berikut:

PERMOHONAN DAN KELULUSAN PERUNTUKAN KEWANGAN
TAHUN 2006 - 2009 (RM JUTA)



Sumber: Lump Ord, ML LogTD dan 91 Depot Pusat Ordians 2009

Raj

ah 2.6

Jumlah Permohonan dan Kelulusan Peruntukan Tahunan 91 DPO

2.6 PENGURUSAN INVENTORI

TD pada keseluruhannya merupakan angkatan yang terbesar didalam kekuatan keseluruhan ATM. Ini kerana TD mempunyai pelbagai peralatan bagi kegunaan strategik pertahanan negara dan pada ketika ini 91 DPO sebagai Depot Pusat untuk TD mempunyai pegangan inventori sebanyak 136,152 *line item* dengan jumlah nilai keseluruhan sebanyak RM 382,081 juta (Temuduga Pegawai Memerintah 91 DPO, Mei 2009). Harus difahami bahawa inventori mewakili satu-satunya pelaburan terbesar didalam sesebuah pengurusan perusahaan, gedung, peruncit termasuklah TD. Ianya mewakili melebihi dari 20% pelaburan keseluruhan harta sesebuah organisasi (Douglas M. Lambert, James R. Stock & Lisa M. Ellram, 1998). Menurut Mantan

Panglima Log TD (Jul, 09) memaklumkan bahawa pegangan inventori yang besar memerlukan kepada peruntukan kewangan yang secukupnya bagi menentukan kelangsungan perolehan dan bantuan Ordnans kepada pasukan-pasukan TD.

Menurut Mantan Panglima Log TD (Jul, 2009) memang tidak dapat dinafikan sesebuah organisasi yang besar serta mempunyai peranan yang sangat penting didalam menangani keselamatan Negara, TD seharusnya lengkap dengan segala peralatan yang diperlukan untuk memainkan peranannya dan memerlukan kepada pegangan inventori secukupnya. Namun demikian ianya perlu dikaji dari masa kesemasa agar pegangan bersesuaian dengan kehendak semasa. Disamping itu juga Mantan Panglima Log TD menambah, pengurusan inventori dan penggunaan Sistem CODIMS (*Computerise Ordnance Depot Inventory Management System*) adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan. Penggunaan CODIMS yang digunakan oleh KOD perlu diberi nafas baru dan sepetutnya dipanjangkan kepada semua pasukan-pasukan TD. Namun demikian ianya masih belum menjadi kenyataan atas sebab-sebab tertentu. Pecahan Pegangan Inventori 91 DPO mengikut Kategori Stor adalah seperti di Rajah 7 berikut:

PEGANGAN INVENTORI 91 DPO
MENGIKUT KATEGORI STOR

BIL	KATEGORI STOR	LINE ITEM	NILAI (RM) JUTA
1	Teknikal	74.049	322.923
2	Alat Ganti Kenderaan	49.550	26.895
3	Alatulis	3.857	3.904
4	Am	5.161	1.498
5	Pakaian	2.516	26.224
6	Perabot	1,019	0.634
	JUMLAH	136,152	328.081

Sumber: 91 Department Ordinance, 2009

Rajah 2.7
Pegangan Inventori 91 DPO Mengikut Kategori Stor

2.7 KESIMPULAN

Secara amnya peranan utama KOD adalah menentukan segala keperluan material yang diperlukan oleh pasukan TD pada setiap masa. Dari itu keberkesanan kepada sistem perolehan yang baik adalah perlu bagi menentukan bantuan secara berterusan mengikut keperluan. Dari itu perolehan yang dilaksanakan oleh KOD anak mempengaruhi Kesiapsiagaan TD secara keseluruhannya.